

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

SOALAN NO. 123

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang kemajuan ekonomi di antara bandar dan luar bandar dan sejauh manakah keberhasilan langkah-langkah tersebut dalam meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar; dan
- (b) setakat manakah tahap ketahanan ekonomi negara dalam tempoh 5 tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar, Kerajaan telah memberikan penekanan khusus untuk membangunkan kawasan luar bandar dan konurbasi bandar melalui pelbagai strategi dalam Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11). Antaranya:

- a) infrastruktur asas luar bandar dipertingkatkan melalui penyediaan rangkaian jalan raya, perluasan akses kepada bekalan air dan elektrik di samping menambah baik infrastruktur digital;

- b) rangkaian hubungan luar bandar dan bandar akan diperkukuh dengan mempertingkat ketersambungan dan mobiliti untuk memupuk integrasi ekonomi di kedua-dua kawasan. Bagi tahun 2019, Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM926 juta untuk projek Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa;
 - c) Perkhidmatan sosial, seperti kesihatan primer dan perumahan, ditambah baik untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat luar bandar. Dalam tahun 2019, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM168.96 juta bagi projek penjagaan kesihatan primer di kawasan luar bandar di bawah Kementerian Kesihatan. Manakala dalam aspek perumahan pula, sebanyak RM200 juta telah diperuntukkan untuk 14 projek perumahan di bawah Program Bantuan Rumah - Bina Baru dan 14 projek Program Bantuan Rumah - Baik Pulih bagi tahun 2019 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
 - d) Penyertaan sektor swasta dan aktiviti ekonomi tempatan luar bandar akan dipertingkat untuk menarik pelaburan, menjana pendapatan serta mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan;
 - e) Peruntukan pembangunan akan diagih secara lebih baik dengan keutamaan diberi kepada enam negeri kurang membangun iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis. Agihan peruntukan ini adalah untuk memastikan pertumbuhan yang seimbang antara negeri. Dalam tahun 2019, sebanyak RM13.17 bilion atau 42% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan bagi negeri-negeri telah diperuntukkan kepada enam (6) negeri ini;
2. Bagi meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar seterusnya kuasa beli, inisiatif yang dilaksanakan termasuk:
- a) membangunkan kapasiti dan keupayaan dalam kalangan isi rumah B40, termasuk masyarakat Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak yang tinggal di kawasan luar bandar;

- b) memperluaskan penglibatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, termasuk secara atas talian (*online*) dengan meningkatkan akses dan peluang kepada bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawanan serta penyediaan premis perniagaan dan program sokongan perniagaan mikro;
- c) meningkatkan produktiviti dan pendapatan para petani, pekebun kecil dan nelayan melalui aplikasi teknologi moden, amalan pertanian terbaik dan aktiviti ekonomi tambahan;
- d) memperkukuh sistem perlindungan sosial, termasuk memastikan program jaringan keselamatan sosial dikaji semula supaya lebih bersasar;
- e) mengkaji semula dasar gaji minimum setiap dua tahun sekali dan menangani isu berkaitan perbezaan kadar gaji minimum antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak; dan
- f) mempertingkatkan penyediaan kemudahan asas seperti penyediaan infrastruktur dan pengangkutan, utiliti dan ameniti sosial di kawasan luar bandar bagi memperkukuh keterhubungan, merencanakan aktiviti ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

3. Bagi meningkatkan keberhasilan inisiatif di atas, Kerajaan akan menjalankan Kajian Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu untuk memperkukuh dan memperkemas perancangan pembangunan negeri dan wilayah. Ini dapat dilihat dari aspek-aspek berikut;

- a) peningkatan pendapatan purata bulanan isi rumah luar bandar sebanyak 12.1% daripada RM3,831 pada tahun 2014 kepada RM4,359 pada tahun 2016;

NO. SOALAN : 164

- b) insiden kemiskinan mutlak di luar bandar telah berkurang daripada 1.6% pada tahun 2014 kepada 1% pada tahun 2016;
 - c) jurang pendapatan antara penduduk bandar dan luar bandar semakin mengecil iaitu daripada 1:0.561 pada 2014 kepada 1:0.568 pada 2016 dan dijangka 1:0.67 pada 2020;
 - d) kadar migrasi bandar ke luar bandar telah meningkat daripada 13.8% pada tahun 2015 kepada 15.2% pada tahun 2016; dan
 - e) kadar migrasi luar bandar ke bandar telah berkurang daripada 6.9% pada tahun 2015 kepada 4.2% pada tahun 2016.
1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menilai kedudukan ekonomi negara dalam tempoh 5 tahun akan datang, kita perlu mengambil kira mengenai prospek ekonomi dan perdagangan dunia.
 2. Di bawah KSP RMKe-11, Kerajaan telah menetapkan agar keutamaan dasar pada masa ini adalah untuk mengimbangi usaha pengukuhan kedudukan fiskal dan objektif pertumbuhan ekonomi.
 3. Buat masa ini, unjuran rasmi Kerajaan bagi kedudukan ekonomi Malaysia hanyalah sehingga tahun 2020. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sedang dalam proses penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021-2025.

Sekian, terima kasih.